

PERADUAN: MENANGI PAKEJ PERCUTIAN KE HOLIDAY VILLA SUBANG

INSPIRASI PERCUTIANKU!

santai*

EDISI 01 • DISEMBER 2010
KDN:PP17018/10/2011(026503)

@ TRAVEL

EDISI
INTRO
2010

10*

Destinasi Santai

ANA RAFFALI BERPACARAN DI PUTRAJAYA

MEMORI
INDAH
PULAU
NAGA

+

KICAUAN
MESRA
KUALA
KENIAM

+

PESONA
LAMBAIAN
MABUL

DISEMBER • RM7.00

ISSN 2229-9777



9 9772229 977005

PERCUTIAN IMPIAN: SANTAI REALISASIKAN IMPIAN ANDA!

MALAYSIA RM7.00
SINGAPORE SG\$6.90
BRUNEI BND6.90

HAJAT BERPUTR KE MELAKA TERLAKSANA

CARICAN MELAKA MELAKA, OTOMAN, PERSEKUTUAN, PROGRAM PERCUTIAN IMPIANKU MELAKA, TERIMA KASIH MAJALAH SANTAI



SUDAH LAMA SAYA INGIN MELAWAT MELAKA. KEINGINAN ITU SEMAKIN MEMBUAK-BUAK PABILA MELIHAT DERETAN RESORT BERTARAF ANTARABANGSA MEMBUKA PINTU DI MELAKA. SAYA MEMANG TERTARIK DENGAN KONSEP PHILEA RESORT & SPA. PERTAMA KALI MELIHAT KEUNIKAN RESORT INI MELALUI LAMAN SESAWANG, SAYA TERFIKIR BILAKAH ADA KESEMPATAN UNTUK BERPUTR DI SINI. SAMBIL MELAYARI FACEBOOK, SAYA MASUK KE HALAMAN MAJALAH SANTAI. SAYA TERBACA TENTANG PROMOSI MAJALAH SANTAI UNTUK PROGRAM PERCUTIAN IMPIANKU! TANPA MEMBUANG MASA SAYA PUN MENGHANTAR E-MAIL SAMBIL BERDOA AGAR IMPIAN SAYA BERPUTR DI PHILEA RESORT MELAKA TERCAPAI.

Bila menangis seumpama penyu,
Bila ketawa mengalahkan ungka,
Sambil bersukaria bertambah ilmu,
Mari berkunjung ke negeri
MELAKA

Impian tercapai... Panggilan daripada pihak majalah Santai mengejutkan saya! Saya merupakan pembaca yang bertuah terpilih untuk menyertai program Percutian Impianku ke destinasi pilihan saya iaitu Philea Resort & Spa. Pada 15 Oktober yang lalu, saya telah dibawa ke Air Keroh, Melaka untuk percutian impian saya. Ketibaan saya disambut dengan senyuman manis para pekerja di sini.

Selesai urusan daftar masuk, saya menikmati makan tengahari di Cravo Cravo. Pelbagai pilihan makanan di sini, hinggakan mahu membuat pilihan pun susah. Saya mencuba hidangan 'mixed grill' dengan sos Teriyaki. Ternyata variasi masakan di sini cukup banyak dan berbaloi.

Melangkah masuk ke dalam bilik, masih lagi terbau wanginya kayu pine yang diimport khas dari

Rusia untuk membina resort ini. Semua vila di sini dibina berkonsepkan seperti kabin log pembalok. Kayu pine juga diimport khas dari Rusia. Setiap vila di sini tidak menggunakan paku tetapi diikat menggunakan tali. Dekorasi bilik juga cukup kemas dan cantik, lengkap dengan LCD TV dan minuman dalam mini bar adalah percuma. Saya berehat di bilik dahulu sebelum ke Taman Rama-Rama yang hanya terletak kurang lima minit dari resort ini.

Taman Rama-Rama Melaka telah dibuka pada tahun 1991. Kini, selain rama-rama pelbagai lagi haiwan boleh ditemui di sini seperti buaya, merak, burung unta, burung kakak tua, monyet, ungka dan pelbagai lagi. Petang menjelang tiba, badan berpeluh dan melekit dek cuaca panas. Masa telah tiba untuk berendam di kolam renang. Air terjun buatan manusia menambahkan lagi keindahan panorama di sekitar kolam renang. Selesai menikmati makan malam yang lazat di Cravo Cravo, saya sempat berkaraoke bersama-sama teman di resort ini sebelum menikmati urutan badan di Spa Rumah Tanjung.

Melaka Bandaraya Bersejarah...

Sarapan pagi di Cravo Cravo sebelum

memulakan perjalanan menikmati bandaraya ini. Tidur yang cukup dan begitu selesa membuatkan saya terasa begitu segar. Destinasi pertama adalah Zoo Melaka. Pelbagai haiwan liar boleh dilihat di sini. Saya memilih untuk menaiki kereta api mini untuk berpusing di sekitar zoo ini. Saya singgah sekejap di Melaka Wonderland. Ia merupakan taman tema air terbaru di Melaka. Tidak sah makan tengahari di sini jika tidak mencuba masakan Baba dan Nyonya.

Selesai makan tengahari saya jalan-jalan di sekitar kawasan bersejarah seperti Stadhuys, Porta Di Santiago dan Bukit St Paul. Saya tertarik dengan beca-beca yang terdapat di sini kerana ia dihias dengan indah sekali. Jangan terkejut kerana beca ini juga dilengkapi dengan radio. Saya juga menaiki Menara Taming Sari. Menara ini berketinggian 110 meter dan berputar 360 darjah. Saya dapat melihat keseluruhan panorama bandaraya Melaka serta Selat Melaka yang terkenal. Jangan lupa untuk mencuba Melaka Duck Tours. Uniknyanya perjalanan ini kerana anda akan jalan-jalan di darat dan juga di atas air. Jangan lepaskan pengalaman unik Duck Tours ini! Makan malam saya begitu istimewa kerana nikmatinya di atas bot Melaka River Cruise. Sambil menyusuri sungai Melaka,

saya melewati Kampung Morten yang begitu terkenal di Melaka. Jonker Street merupakan destinasi terakhir saya sebelum kembali ke Philea Resort & Spa.

Selamat Tinggal Philea...

Setelah bersarapan, saya sekali lagi menghabiskan masa di kolam renang. Resort ini memang cukup sesuai untuk bersantai bersama keluarga atau rakan-rakan. Cukup unik sekali konsep Philea Resort & Spa ini. Terima kasih buat Majalah Santai kerana merealisasikan percutian impian saya.



SERTAI PROGRAM REALITI MAJALAH ... PERCUTIAN IMPIANKU.

Hanya di SANTAI Travel.
Nyatakan destinasi percutian idaman anda dan kami akan realisasikan impian percutian anda...! Ikuti dan jadi Fans SANTAI di Facebook dan nyatakan impian anda di dinding facebook majalah SANTAI.